

Perkara-Perkara dalam Perlembagaan Persekutuan

- **Perkara 3** - Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.
- **Perkara 32 (Bahagian 4 Bab 1)** - Yang di-Pertuan Agong adalah Ketua Negara dan isteri baginda digelar Raja Permaisuri Agong.
- **Perkara 152** - Bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah dalam tulisan yang diperuntukkan melalui undang-undang oleh Parlimen.
- **Perkara 153** - Perizaban kuota berkenaan dengan perkhidmatan, permit, dsb. bagi orang Melayu dan anak negeri mana-mana antara Negeri Sabah dan Sarawak.

Definisi Literal



DEMOKRASI

Sebuah struktur pentadbiran negara yang mana pemerintahan institusi kenegaraan dilaksanakan oleh rakyat (atau wakil yang dipilihnya).



PARLIMEN

Sebuah majlis (dewan) tertinggi yang terdiri daripada Dewan Rakyat dan Dewan Negara.



PERLEMBAGAAN

Undang-undang atau peraturan negeri, dasar pemerintah negeri.



RAJA

Pemimpin yang mengetuai dan memerintah sesuatu negara (bangsa), kepala negara (yang diwarisi).



**DEMOKRASI
BERPARLIMEN**

DAN

**RAJA
BERPERLEMBAGAAN**

Perlembagaan Persekutuan

Perlembagaan Persekutuan merupakan dokumen undang-undang bertulis yang dibentuk berasaskan kepada dua dokumen sebelumnya iaitu;

1. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948
2. Perlembagaan Kemerdekaan 1957

Tugas Pemerintah

Tugas-Tugas Pemerintah;



YANG DI-PERTUAN AGONG

- Ketua Utama Negara.
- Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia.
- Ketua Agama Islam termasuk Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Wilayah-Wilayah Persekutuan.



RAJA-RAJA MELAYU

- Memilih Yang di-Pertuan Agong dan Timbalannya.
- Mempersetujui atau tidak supaya apa-apa perbuatan, amalan atau upacara agama diperluas ke Persekutuan secara menyeluruh.
- Memberi ampun, tunda hukum dan lega hukum, atau meremitkan, menggantung atau meringankan hukuman.



PERDANA MENTERI

- Ketua Jemaah Menteri.
- Mempengerusikan Mesyuarat Jemaah Menteri.
- Ketua Pentadbir Utama Negara.
- Pegawai Diplomatik Utama Negara.

Sistem Demokrasi Berparlimen

YANG DI-
PERTUAN
AGONG

DEWAN
NEGARA

DEWAN
RAKYAT

Doktrin Pengasingan Kuasa

- Eksekutif
- Legislatif
- Kehakiman

“Perlembagaan Persekutuan termasuk hak keistimewaan yang disepakati perlu dihormati dan dipertahankan”

***Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong Keenam Belas
30 Ogos 2020 -BERNAMA***